

11/02/2004

Ansara sasar RM1j telethon pendidikan

KUALA LUMPUR: Persatuan Bekas Pelajar Maktab Sains Rendah Mara (Ansara) mensasarkan kutipan RM1 juta melalui Telethon Pendidikan Kebangsaan 2004 yang bertujuan membantu meningkatkan sistem pendidikan di negara ini.

Program mengumpul dana bagi Tabung Harapan Ihsan Pelajar (Tabung HIP) itu mula dilancarkan semalam oleh Penaung Ansara, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut hadir, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Timbalan Yang Dipertua Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti).

Presiden Ansara, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata penubuhan tabung itu sebagai pelengkap kepada tabung bantuan pendidikan yang lain bagi memberi peluang pendidikan kepada pelajar miskin.

Katanya, dana berkenaan akan digunakan bagi memberi bantuan kepada pelajar yang dikenal pasti tanpa mengira bangsa dan agama supaya mereka tidak keciciran dalam bidang pendidikan.

Antara bentuk bantuan yang disalurkan ialah mengendalikan pusat tuisyen, pembayaran yuran sekolah, pinjaman, biasiswa dan bantuan kecemasan.

"Kita tidak mahu ada anak bangsa kita yang masih ketinggalan dalam bidang pendidikan disebabkan kemiskinan dan persekitaran yang tidak kondusif sekali gus menjadi penghalang kepada kemajuan mereka," katanya.

Pada majlis berkenaan, Dr Siti Hasmah turut menyumbangkan sebanyak RM10,000 manakala Bakti sebanyak RM50,000 kepada Tabung HIP.

Mukhriz berkata, setakat ini, pihaknya menerima sumbangan lebih RM500,000 daripada sektor korporat antaranya Celcom (M) Berhad iaitu RM250,000 diikuti Kumpulan UEM (RM150,000) dan Jaya Jusco Stores Bhd (Jusco) sebanyak RM50,000.

Sehubungan itu, beliau berkata, orang ramai yang ingin menderma boleh berbuat demikian melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dengan menaip TABUNG HIP dan dihantar ke 36600.

Katanya, setiap SMS yang dihantar adalah berjumlah RM10 dan akan terus disalurkan ke tabung pendidikan berkenaan.

Selain itu, katanya, sumbangan juga boleh dibuat melalui panggilan ke 600-86-1077 (RM3.90 setiap minit) atau membuat kiriman wang melalui pejabat Pos Malaysia yang dihantar ke Peti Surat 10761, 50724, Kuala Lumpur.